



MUZAKARAH

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

KERTAS KERJA


**INSTITUSI RAJA DALAM MENGAKAR UMBI
UMAT MELAYU DAN MENJULANG TINGGI ISLAM**

Disediakan Oleh :
Y.Bhg. Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Binti Adam

**6 ISNIN
FEBRUARI
2017**

**AMANJAYA CONVENTION CENTRE
CASUARINA @ MERU, BANDAR MERU RAYA IPOH, PERAK**

INSTITUSI RAJA DALAM *MISA MELAYU* : MENGAKAR KUAT TAMADUN MELAYU¹



Peta Negeri Perak Pada Abad ke 18 yang menunjukkan nama tempat-tempat dan sungai-sungai penting yang masih berkekalan seperti hari ini.

1. Kertas Kerja ini disediakan bagi Seminar Mengakar Kuat Ummah Melayu Menjunjung Tinggi Islam, pada 5-7 Februari 2017, Casuarina @ Meru, Perak.

Negeri Perak adalah sebuah negeri yang kaya dengan tradisi dan warisan yang menjadi tulang belakang kepada budaya hidup hari ini. Perak adalah sebuah negeri yang secara langsung terbentuk daripada suatu hubungan langsung dengan sejarah kegemilangan bangsa Melayu, yang diasaskan oleh Kesultanan Melayu Melaka. Perlantikan Sultan Muzafer Shah I di Perak pada tahun 1528, selepas kemangkatan Sultan Mahmud Shah Melaka, adalah suatu hubungan keturunan dan sistem kerajaan Melayu yang tidak dapat dinafikan berterusan sehingga kini. Bagaimana dan siapa yang menjemput Sultan Muzafer Shah I untuk ditabalkan sebagai Sultan Perak yang pertama tidak perlu diperbahaskan. Apa yang penting ialah kesinambungan tamadun Melayu yang berteraskan institusi raja sebagai dasar kerajaannya, telah berkembang dan diterima di seluruh Tanah Melayu dan Alam Melayu dan kini menjadi teras kenegaraan Malaysia.

Salah satu sumber tamadun² Melayu yang penting ialah hikayat-hikayat yang ditulis sebagai tanda kenangan keagongan kerajaan-kerajaan Melayu yang berkembang pesat sejak awal kurun ke 7 sehingga kurun ke 20. Hikayat-hikayat ini adalah mengenai sejarah Raja-raja Melayu dan orang Melayu yang telah membina tamadunnya sehingga meninggalkan legasi yang hebat dan sebagai asas kewibawaan mereka pada hari ini. Hikayat-hikayat ini adalah dokumentasi dan rekod tentang pencapaian mereka dalam mengharungi cabaran-cabaran yang mendarat dan melanda mereka. Hikayat-hikayat ini kemudian menjadi rujukan kepada generasi hari ini.

Salah satu hikayat yang menjadi kebanggaan Negara dan Perak tentunya, adalah ***Misa Melayu***. Hikayat ini menjadi pencatat sejarah zaman kegemilangan kerajaan atau Kesultanan Melayu Perak pada kurun 18. Penceritaannya adalah bukti kepada kewujudan sebuah tamadun Melayu yang menjadi warisan bangsa sehingga kehari ini. Tamadun bangsa ini menjadi entiti politik pentadbiran negeri dan Negara sehingga ke hari ini. Perak adalah salah sebuah negeri Melayu yang merdeka sebelum British menguasai pentadbirannya pada 1874. Ia kemudian menjadi anggota Persekutuan Tanah Melayu pada 1948 dan seterusnya menjadi sebahagian daripada negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat pada hari ini.

Misa Melayu ini telah ditulis oleh Raja Chulan ibni Raja Abdul Hamid, Raja Bendahara Perak. Hikayat ini ditulis pada kurun ke 18. Teks ini telah dikaji oleh R.O.Winstedt pada tahun 1836. ***Misa Melayu*** adalah sebuah teks yang sangat berbeza ciri penulisannya. Ia tidak mempunyai atau dipenuhi mitos atau kisah-kisah dongeng seperti hikayat-hikayat lain. Nama pengarang juga ditulis dengan jelas dan tarikh penulisannya juga dicatat dengan jelas iaitu dengan menggunakan tahun Hijrah. Penceritaannya juga bersifat laporan iaitu menceritakan secara terperinci segala peristiwa yang telah berlaku dengan jelas dan terus terang. Nama-nama tempat yang disebut juga adalah nama-nama yang masih terdapat pada hari ini seperti

2. Tamadun boleh diertikan sebagai pencapaian terbaik dan tertinggi dalam sesebuah masyarakat, bangsa dan Negara. Pencapaian itu termasuklah sistem agama yang tinggi, sistem perundangan yang jelas, sistem pentadbiran atau urus tadbir yang tinggi, sistem tulisan dan kesenian yang tinggi, sistem kehidupan yang kompleks, sistem perbandaran yang hebat, sistem perdagangan dan perniagaan, sistem pertahanan dan keselamatan yang hebat serta jajahan takluk yang luas. Tamadun Melayu yang boleh diwakili oleh Kesultanan Melayu Melaka telah mencapai hampir kesemuah ciri-ciri tamadun yang tinggi.

Kuala Kangsar, Bidor, Lumut, P.Pangkor, Belanja, Tanjung Putus dan banyak lagi. Nama tokoh-tokoh yang terlibat juga diperturunkan dengan tidak memasukkan sebarang unsur pendewaan kepada mereka.

Penceritaan ***Misa Melayu*** ini banyak tertumpu kepada pemerintahan Sultan Muzaffar Shah III (1728-1756) yang bersemayam di Berahman Indera (Bota Kanan) sebagai pusat pentadbirannya.³ Dalam pemerintahannya banyak peristiwa bersejarah yang dirakamkan oleh Raja Chulan sebagai bukti bahawa pemerintahan Sultan adalah mutlak dan meliputi semua perkara sama ada dalam pentadbiran, ekonomi, sosial, kehakiman, adat istiadat dan kebajikan rakyat itu sendiri. Catatan yang lebih terperinci pula dibuat tentang pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain (1756-1770) yang menggantikan Sultan Mudzafar Shah III. Semasa pentadbiran Baginda selama 14 tahun itu, di samping pemerintahannya, dicatatkan juga hubungan diplomatik dan ekonomi dengan Belanda yang berdagang diperairan laut Perak untuk berjual beli bijih timah dengan kerajaan Perak.

Perayaan-perayaan dan adat istiadat diraja juga dihuraikan secara terperinci seperti majlis pertabalan diraja, keputeraan putera Sultan, pesta menangkap ikan, perkelahan diraja dan upacara pembinaan istana. Ia juga menceritakan bagaimana Sultan Perak berbaik dengan Belanda untuk mematahkan penderhakaan pemberesar dan kerabat diraja. Tidak kurang juga kebijaksanaan Raja-raja Melayu mengatasi perselisihan politik diantara mereka sehingga Perak boleh menjadi aman dibawah pemerintah seorang sultan.

Namun, yang agak menyediakan ialah ***Misa Melayu*** tidak digunakan oleh sesiapapun sebagai satu rujukan yang berwibawa dalam membuat penyelidikan atau membina semula tamadun Melayu, berbeza dengan hikayat-hikayat lain yang selalu dirujuk dan digunakan sebagai bukti kepada keagongan persuratan dan kesusasteraan Melayu. Antaranya, yang paling selalu dirujuk dan digunakan ialah ***Sejarah Melayu***. Malah penerbitannya juga tidak dipedulikan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab kepada penyebaran bahan bukti keagungan tamadun Melayu ini.

Misa Melayu Sebagai Bukti Kedaulatan Raja-Raja Melayu Kesultanan Perak.

Dengan mengkaji ***Misa Melayu***, ketuanan dan kekuasaan Sultan sebagai pemerintah negeri Melayu seperti Perak adalah amat jelas sekali. Ini boleh dilihat melalui :


- a) Sistem pemerintahan dan pentadbiran negeri
- b) Keturunan Raja-Raja yang memerintah.
- c) Adat istiadat pertabalan raja
- d) Bidang Kuasa Sultan yang memerintah
- e) Konsep daulat.

3. Buyung Adil, 1981. ***Sejarah Perak***, Dewan Bahasa dan Pustaka, K.Lumpur, hlm.27

A) Sistem pemerintahan dan Pentadbiran negeri:

Melalui ***Misa Melayu***, dapat disimpulkan bahawa pemerintahan negeri Perak mempunyai struktur yang berteraskan institusi raja sebagai kerajaannya. Raja atau Sultan yang memerintah merupakan ketua negeri Perak yang berada dikemuncak pentadbiran negeri. Raja Muda adalah pemerintah kedua Perak. Para pembesar bergelar pula adalah pentadbir-pentadbir negeri yang dilantik dan dititahkan oleh Sultan untuk menjalankan pengurusan dan pentadbiran negeri. Terdapat juga pembesar-pembesar lain yang terdiri daripada pembesar jajahan bagi menguruskan pentadbiran daerah. Penghulu pula adalah ketua bagi sebuah mukim dan ketua kampung pula menjaga pentadbiran kampung atau desa. Bagi masyarakat Orang Asli pula diketuai oleh seorang Tok Batin.

Secara rajahnya boleh diturunkan seperti ini:



Sebagai ketua negeri, kedudukan Sultan adalah yang tertinggi sekali. Baginda adalah payung negeri dan pemerintah yang merupakan pembuat undang-undang dan peraturan negerinya. Baginda juga adalah kuasa eksekutif yang mewakilkannya kepada para pembesarnya. Sesuai dengan itu, kuasanya tidak terbatas; baginda berkuasa dalam semua perkara termasuk pentadbiran, kehakiman, kewangan, agama Islam, kebijakan rakyat, keselamatan negeri, perhubungan luar dan perluasan kerajaan dan jajahan takluknya. Namun, kuasa itu diwakilkan kepada pembesar istana, jajahan, mukim atau kampung untuk dilaksanakan, mereka hanya melaporkannya kepada Baginda hasil kerja mengikut saluran, peringkat dan bidang kerja dan kuasa masing-masing.

Pihak tertinggi yang melaporkan kepada Sultan tentulah pembesar-pembesar utama dibalai rong seri semasa Sultan bersemayam. Disini jugalah Sultan menerima kunjungan pihak luar atau pedagang-pedagang asing untuk berdagang atau membuat hubungan politik. Kemurkaan Sultan memang dielakkan oleh pembesar dan rakyatnya. Jika ini berlaku hukuman yang setimpal akan dikenakan. Konsep daulat yang dilekatkan kepada Sultan menjadikan kedudukan Sultan sebagai pemerintah negeri dan masyarakat Melayu serta agama Islam, adalah lebih kukuh, menyeluruh dan sempurna penguasaanya.

Golongan pembesar adalah kelas kedua dalam masyarakat Melayu Perak. Mereka dilantik oleh Sultan daripada keluarganya atau kaum kerabatnya yang dekat dan jauh. Hak Sultan melantik para Pembesar adalah satu bidang kuasanya yang amat jelas dalam ***Misa Melayu***. Perlantikan ini bertujuan untuk melicinkan pentadbirannya seperti yang dilakukan oleh Sultan Mudzafar Shah III yang memindahkan tempat persemayamannya dari Kuala Kangsar ke Berahman Putera. Baginda telah melantik pembesar-pembesar baru; Bendahara adalah Megat Pendia dengan gelaran Paduka Seri Maharaja, Orang Kaya Besar adalah Tan Marasin bergelar Orang Kaya Seri Maharaja Diraja, Temenggongnya adalah Tan Bantan dengan gelaran Menteri Seri Paduka Tuan⁴.

Sultan Iskandar Shah pula, sebaik-baik sahaja memegang tampok kerajaan mengantikan bapa mertua/bapa saudaranya, telah melantik barisan pembesarnya untuk menguruskan pentadbiran negeri Perak. Baginda telah melantik adinda baginda Raja Kechil Muda untuk menjadi Raja Muda sebagai wakil Baginda dalam pengurusan negeri. Begitu juga telah melantik adindanya, Raja Kechil Tengah untuk menjadi Bendahara dengan gelaran Raja Bendahara. Kedudukannya dan bidang kuasa menguruskan negeri adalah selepas Raja Muda. Tun Hamat, seorang kerabat Sultan, telah dilantik sebagai Ketua Bentara Istana dengan gelaran Seri Nara Diraja⁵.

Bagi pembesar-pembesar lain seperti Orang Kaya Menteri, Temenggong, Laksamana, Shahbandar dan Penghulu Bendahari telah dikekalkan. Ternyata, seperti juga kerajaan-kerajaan Melayu yang lain, gelaran pembesar-pembesar istana ini adalah sama kerana asas pembentukan sistem ini telah diambil daripada Kesultanan Melayu Melaka. Perak adalah negeri naungan Melaka dan Sultannya yang ditabalkan adalah anakanda sulung Sultan Mahmud Shah Melaka. Sebelum itu juga, Beruas dicatat oleh ***Sejarah Melayu*** sebagai jajahan Melaka.

Perlantikan pembesar juga bertujuan untuk memberi taraf yang sesuai dengan kedudukan pembesar tersebut. Misalnya, Laksamana Tan Pasmah, keturunan Haru, Sumatra, telah dilantik menjalankan tugas sebagai seorang Laksamana dengan menjaga Kuala Perak dan memerintah rantau dan rakyat Tanjung Putus, tetapi tidak begitu dimuliakan secara adatnya. Maka Sultan Iskandar Zulkarnain telah menitahkan pembesar itu mengadap Baginda dan telah diberi persalinan yang lengkap sebelum masuk ke istana. Beliau diiringi oleh hulubalang-hulubalang yang juga berpakaian segak sebagai tanda pengiring Laksamana. Sesampai Tan Pusmah ditangga balairong seri, maka dibacakan pengistihan gelarannya sebagai Laksamana Orang Kaya-Kaya. Maka dipercikkan air mawar sebelum menjunjung duli. Kemudian sireh seceper dikurniakan oleh Sultan kepada Dato' Laksamana. Setelah itu diaraklah ia diatas gajah lalu pulang keperahunya⁶.

Sebagai pemerintah negeri, Sultan juga mengendalikan pertikaian pentadbiran dan perebutan kuasa diantara kerabat dan adik beradiknya dengan penuh berhemah dan

4. Raja Chulan, ***Misa Melayu***, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, hlm.26

5. *Ibid*, hlm. 54

6. Raja Chulan, ***Misa Melayu***, Pustaka Antara, hlm. 59.

Keturunan Raja-raja Melayu beragama Islam ditempat-tempat lain. Ini memang menjadi satu pegangan pengarang-pengarang hikayat Melayu dahulu sebagai cara untuk menunjukkan kehebatan keturunan Raja-raja Melayu yang berasal daripada keturunan pemimpin tersohor dunia. Raja Chulan, pengarang *Misa Melayu* juga mengambil keturunan Sultan-sultan Perak yang memerintah daripada keturunan yang sama seperti Melaka; ini juga satu gambaran yang Bijaksana. Misalnya Sultan Mudzafar Shah III telah ditentang oleh adindanya Raja Muda Raja Muhamad Shah sebagai Sultan Perak yang sah. Raja Muhamad Shah, yang dilantik sebagai Raja Muda Perak, telah diangkat oleh Daeng Chelak, Yam Tuan Muda Johor/Riau, dengan bantuan Orang Bugis Selangor, menjadi Sultan Perak dengan gelaran Sultan Muhamad Shah, pada tahun 1742. Baginda dengan itu telah mengadakan satu pemerintahan terasing daripada kekandanya dan mempunyai pengikutnya sendiri di Pulau Tiga, Perak. Perpecahan ini telah menyebabkan Perak terbahagi dua dengan dua orang Sultan. Sultan Mudzafar Shah III, sebenarnya telah berpindah ke Kuala Kangsar atau Sayung, apabila adindanya merebut kuasa. Baginda kemudian melantik pembesarnya sendiri di tempat pemerintahannya yang baru itu. Baginda menaikkan pangkat Orang Besar Empat yang baharu. Iaitu Raja Alang, anak Raja Kedah sebagai Bendahara, Megat pintal sebagai Orang Kaya Besar, Megat Mu'tabar sebagai Temenggung dan Pakih Yusuf sebagai Menteri.

Bagaimanapun, tidak lama kemudian, Sultan Muhamad Shah telah menyedari tindakannya yang salah itu, telah mengadap kekandanya dan menjemputnya kembali ke Berahman Indera, pusat pentadbiran sebenar. Sultan Muazafar Shah III menerima baik dan berterima kasih kepada adindanya yang mengaku kesalahannya, telah memilih Raja Iskandar, anakanda sulung Sultan Muhamad Shah untuk dijadikan Raja Muda Perak. Baginda juga mengahwinkan puterinya Raja Budak Rasul dengan Raja Iskandar menjadi menantunya. Dengan itu perebutan kuasa dan pertumpahan darah antara kerabat dapat diatasi dengan perkahwinan diraja.⁷

Sebagai payung negeri yang mempunyai kuasa legislatif dan esekutif, hubungan luar juga adalah satu lagi bidang kuasa Sultan yang memerintah. Dalam catatan *Misa Melayu*, hal ini sangat ketara sekali. Misalnya, hubungan perdagangan dengan orang Holand (Belanda) telah diadakan. Mereka bermiaga di Pengkalan Halban, kuala Sungai Perak setelah mendapat keizinan Sultan Iskandar Zulkarnain/Shah. Mereka berdagang mengikut adat istiadat Melayu dan menyelesaikan rasa tidak puas hatinya dengan mengikut prosedur kerajaan Melayu. Mereka mengadap Sultan Iskandar Shah dengan dibawa oleh Kapitan Melayu dan disambut oleh pembesar-pembesar istana dengan kelengkapan yang hebat sehingga pihak Belanda melihat ia sebagai satu tanda kekuatan kerajaan Perak. Dengan itu niatnya untuk berkeras dengan kerajaan dan Sultan Perak akhirnya dihentikan. Maka baharulah Sultan Iskandar mengurniakan utusan Holand itu dengan sireh seceper. Itulah kebijaksanaan Sultan Iskandar Zulkarnain/Shah (1756-1770) yang menunjukkan secara halus kekuasaannya dan adat istiadat

Melayu Perak yang sangat tersusun dan cantik. Sebagai kuasa luar, Holand/Belanda mesti menghormati Sultan, kerajaan Perak dan peraturannya.

Hubungan perdagangan juga dibuat dengan pedagang-pedagang lain seperti China, Jawa, Aceh, India dan kawasan-kawasan lain. Mereka ini diberi tempat-tempat kediaman yang tertentu dengan kapitan masing-masing sebagai penjaganya. Setiap kali Baginda mengadakan keramaian, pedagang-pedagang ini mengambil bahagian menunjukkan permainan dan tarian mereka. Hubungan sosial yang baik ini memudahkan urusan perniagaan dijalankan dengan lebih lancar.

Malah *Misa Melayu* telah mencatatkan hubungan dagangan itu boleh menjadi sebuah hubungan dan kerjasama politik yang berguna disamping menunjukkan Sultan Perak adalah seorang pemerintah negeri yang bijaksana. Hal ini dapat dilihat dalam kes Sultan Berkat yang menyerang Bukit Gantang, satu daerah yang terpisah daripada Kuala Kangsar dan Berahman Indera, iaitu tempat-tempat persemayaman Sultan Perak. Sultan Berkat adalah anak Raja Kechil dari Siak/Minangkabau. Baginda ingin mengadap Sultan Mudzafar Shah III kerana puteranya telah diambil oleh Daeng Matkah dan Daeng Menchelak, ketua-ketua Bugis yang menguasai Johor, Selangor dan Kedah. Bagaimanapun, Sultan Berkat tidak dibenarkan mengadap Sultan Perak. Oleh kerana terlalu marah, maka diserangnya Bukit Gantang; bagaimanapun Raja Muda dapat mengalahkan Sultan Berkat. Namun Raja Alam, kerabat diraja Perak, sahabat Sultan Berkat, enggan membantu Raja Muda berperang dengan Sultan Berkat. Dia juga enggan mengiringi Raja Muda mengadap Sultan Muhamad Shah di Pulau Tiga.

Raja Alam kemudian telah berpakt dengan Enche Hasil, keturunan Haru, berkubu di Tanjung Putus untuk menentang dan menyerang Raja Muda di Pulau Tiga. Sultan Mudzafar Shah III telah menulis sepucok surat kepada pihak Belanda/Holand untuk meminta bantuan. Apabila Raja Alam datang untuk memungut cukai di Tanjung Putus, pedagang-pedagang Holand itu telah menangkapnya dan dibawa belayar ke Melaka, yang dikuasai oleh Belanda/Holand pada masa itu. Enche Hasil pula telah dimasukkan dalam gedung gelap Belanda/Holand. Kerjasama dengan pihak Belanda ini membantu Sultan memberhentikan penderhakaan para pembesar jajahannya seperti Raja Alam dan Sultan Berkat itu.⁸ (muka surat 29-32)

Dengan erti kata lain, Sultan sebagai ketua negeri terletak dikemuncak sistem pentadbiran negeri Melayu; dengan itu kedudukannya itu telah memberi kuasa yang tertinggi dalam pengurusan dan pentadbiran negeri. Raja Muda dan semua pembesar-pembesar yang merupakan orang bawahannya adalah tertakluk kepada perentahnya. Bidang kuasanya yang luas dan mutlak ini menjadikan baginda seorang pemerintah yang berdaulat didalam negeri dan jajahannya.

7. Buyung Adil, 1981. *Sejarah Perak*, DBP, hlm.24, 25,26.


8. Raja Chulan, *Misa Melayu*, Pustaka Antara, hlm. 29,30.

B) Keturunan Sultan-sultan Yang Memerintah Perak:

Keturunan Sultan-sultan Perak mengikut ***Misa Melayu*** adalah daripada keturunan pemerintah dunia yang agong iaitu Sultan Iskandar Dzulkarnain, yang juga menjadi punca keturunan Raja-raja Melayu beragama Islam di tempat-tempat lain. Ini memang menjadi satu pegangan pengarang-pengarang hikayat Melayu dahulu sebagai cara untuk menunjukkan kehebatan keturunan Raja-raja Melayu yang berasal daripada keturunan pemimpin tersohor dunia. Raja Chulan, pengarang ***Misa Melayu*** juga mengambil keturunan Sultan-sultan Perak yang memerintah daripada keturunan yang sama seperti Melaka; ini juga satu gambaran yang menunjukkan pemerintah Perak adalah setanding dengan keturunan Melaka seperti yang dicatatkan oleh ***Sejarah Melayu***. Kata Raja Chulan:

“Adapun asalnya raja itu...daripada hijrah Raja Iskandar Dzu'l-Karnain yang menjalani daripada matahari masok kematahari naik dan nasabnya daripada Raja Nushirwan 'Adil, chuchu chichit daripada Raja Suran yang turun kedalam laut jatuh ke negeri Fathhu'l-ardzi. Maka anak puteranya tajalli (wujud) di Bukit Si-Guntang Mahabiru (Mahameru). Maka lalu turun-temurunlah ganti berganti Khalifatu'llah dengan beberapa julatnya (bersambung-sambung tidak putus-putus) sudah dahulu daripada zaman ini, maka sampailah sekarang.”⁹(hlm.17)

Keturunan Raja-raja Perak ini sebenarnya adalah sama dengan keturunan Raja-raja Melaka dan kerajaan Melayu seluruh Kepulauan Melayu, terutama bagi negeri-negeri yang bernaung dibawah Melaka yang berteraskan ***Sejarah Melayu*** atau ***Sulaltus Salatin***, iaitu kitab klasik Melayu yang tersohor itu. Kerajaan Perak adalah salah sebuah negeri yang merupakan warisan Kesultanan Melayu Melaka.



Peta Negeri Perak Kurun 19, yang menunjukkan tempat-tempat pemerintahan dan Petempatan Melayu lama.

9. Raja Chulan, ***Misa Melayu***, Pustaka Antara, hlm.17.

10. M.A. Fauzi Basri, 1986. ***Cempaka Sari Sejarah Kesultanan Negeri Perak***, Yayasan Perak, hlm. 56.

Kerajaan Perak, seperti juga kerajaan Melayu yang lain di Alam Melayu, mengamalkan satu pemerintahan negeri yang menggunakan keturunan kerabat diraja daripada jurai bapa yang sama dalam sistem patrinal, untuk dipilih menjadi Sultan yang memerintah. Misalnya Sultan Muzaffar Shah I Perak, iaitu Raja Muda Melaka yang berpusat di Bentan dan kemudian Kampar, telah diminta untuk menjadi Sultan Perak oleh Tun Sa'ban pada 1528. Adindanya, anakanada Sultan Mahmud Shah Melaka dan Tun Fatimah, telah menggantikan ayahanda mereka Sultan Mahmud Shah apabila baginda mangkat pada 1528 semasa berusia 120 tahun. Ini bermakna dalam **Misa Melayu** telah ditunjukkan bahawa pengganti Sultan adalah anak-anaknya, sama ada yang sulung, tengah atau pun yang bongsu ataupun kerabat yang dipersetujui oleh pembesar yang berkuasa.

Dalam kes yang lain pula pengganti Sultan boleh datang daripada kerabatnya seperti yang berlaku kepada Sultan Muzaffar Shah III. Baginda telah melantik menantunya yang juga merupakan anak saudaranya, untuk menjadi Raja Muda dan pengganti Baginda sebagai Sultan Perak. Ini kerana Baginda tidak mempunyai putera dan juga untuk mengurangkan perebutan kuasa diantara kerabat-kerabatnya. Walau apa pun sebabnya, ternyata **Misa Melayu** menunjukkan untuk menjadi pemerintah kerajaan, Sultan yang ditabalkan adalah daripada keturunan yang sama dan kerabat diraja. Ini kekal dalam semua kerajaan Melayu sehingga hari ini.

Perlantikan Sultan juga dibuat daripada keturunan yang berdarah gahara. Dalam **Misa Melayu** ternyata perkahwinan antara kerabat berlaku dengan kerap sekali dan menjadi satu amalan biasa; misalnya perkahwinan antara Sultan Muzaffar dengan puteri Raja Mudzafar, seorang kerabat diraja Perak. Sultan Muzaffar Shah kemudian telah mengahwinkan puterinya Raja Budak Rasul dengan Raja Iskandar, anakanda sulong adindanya, Sultan Muhamad Shah. Ini semata-mata untuk menjaga kejituan kerabat dan keturunan mereka. Disegi politik dan pentadbiran pula ia memudahkan Sultan melantik pembesar-pembesar jajahan ataupun penghulu bagi menjadi wakilnya memerintah kawasan-kawasan atau menjalankan tugas-tugas tertentu. Ini dapat mengurangkan atau mengelakkan penderhakaan daripada kerabat diraja itu sendiri. Mereka pula dengan mudah dapat mengawal penderhakaan daripada rakyat ataupun orang luar. Ini kerana mereka adalah sebahagian daripada sistem pentadbiran negeri Perak itu sendiri. Kesetiaan untuk integriti dan keselamatan kerajaan negeri dibawah keturunan mereka adalah teras kelangsungan kesultanan.

C) Adat pertabalan Diraja:

Misa Melayu telah mencatatkan dengan jelas adat istiadat pertabalan seorang Sultan untuk memerintah Perak bagi menggantikan Sultan yang telah mengkat. Adat istiadat pertabalan ini sangat penting kerana ia memperlihatkan satu proses yang tersusun dan tertib serta penuh dengan tradisi adat istiadat warisan yang telah diterima oleh adat lembaga Perak sebagai satu kemestian bagi setiap kali pertabalan Sultan dilakukan. Hal ini memperlihatkan pengakarumbian sebuah tamadun Melayu yang memartabatkan dan mendaulatkan Sultan sebagai tonggak pentadbiran tertinggi negeri.

Satu sistem perlantikan atau pertabalan Sultan telah menjadi satu perkara yang diikuti dari semasa kesemasa oleh kesultanan itu sebagai satu sistem yang kukuh. Langkah demi langkah dibuat untuk menabalkan seorang Sultan yang baru. Hal ini dicatatkan dalam proses perlantikan Raja Muda menggantikan Almarhum Sultan Muzafar Shah III. Antara langkah-langkahnya adalah:

- 1) Raja Muda atau bakal Sultan memanggil semua pembesar berkumpul di istana. Mereka membawa semua alat kebesaran dalam sebuah perarakan yang besar.
- 2) Setelah lengkap perarakan itu, jenazah Sultan (yang telah dimandikan dan dikapankan dengan sempurna) dimasukkan kedalam keranda.
- 3) Raja Muda dan isterinya dipakaikan segala alat pawai (kebesaran) kerajaan seperti pedang kerajaan dan lain-lain.
- 4) Semua anak-anak raja, pembesar, hulubalang dan rakyat hadir mengadap.
- 5) Bunyi-bunyian dibunyikan; gendang nafiri dibunyikan 7 kali. Sultan digelar Sultan Iskandar Dzu'lKarnain Shah Khalifatu'r-Rahman.
- 6) Anak-anak raja, pembesar dan rakyat mengangkat sembah "Daulat Tuanku! Barang dilanjutkan Allah kiranya umur zaman baginda diatas kerajaan negeri Perak Daru'r-ridzwan ikrar sentiasa dihadapan seisi negeri ini dengan orang tiadalah khali (lupa) siang dan malam'
- 7) Jenazah Almarhum diangkat dan diletakkan dipintu balairong. Maka ditabalkan seperti adat segala raja almarhum yang dahulu kala. Maka Sultan Iskandar mempersembahkan gelaran Al-Marhum Haji Allah.
- 8) Jenazah kemudian diarak ke makam diraja dengan penuh adat istiadat Perkebumian. Emas perak ditabur/ dihamburkan disepanjang jalan kepada rakyat sebagai derma al-marhum.
- 9) Jenazah kemudian disembahyangkan oleh semua yang hadir. Mereka yang bersembahyang jenazah disedekahkan beberapa ratus rial dan kain-kain.
- 10) Jenazah kemudian dikebumikan dan dibacakan talkin.
- 11) Selama tujuh hari Sultan tidak bernobat tanda dukacita pemergian al-marhum.
- 12) Sebuah kandang atau tembok pusara al-marhum diperintahkan Sultan untuk didirikan.
- 13) Baharulah Sultan melaksanakan tugasnya sebagai pemerintah melantik semua pembesar-pembesar kerajaan.

Dalam erti kata yang lain, pertabalan Sultan berlaku setelah kemangkatan seorang Sultan yang memerintah. Upacara perlantikan itu berlaku dengan jenazah Sultan masih lagi berada dalam istana. Pemakaman jenazah juga berlaku sebaik-baik sahaja pertabalan dijalankan. Ini bermakna ada suatu hubungan yang sangat sentimental diantara sultan yang telah mangkat dengan Sultan yang baru ditabalkan; seolah-olah satu pengiktirafan atau restu daripada yang telah pergi kepada penggantinya. Perlantikan juga disaksikan oleh pembesar, hulubalang dan rakyat; ini bermakna pertabalan Sultan berlaku dengan jelas disaksikan oleh masyarakat negerinya. Sembah "Daulat Tuanku" adalah tanda penerimaan mereka kepada kedaulatan dan pemerintahan Sultan yang baharu sebagai Sultan Perak. Kesemuanya berlaku dengan iringan alat-alat kebesaran kerajaan negeri dan bunyi nafiri tanda perlantikan Sultan dilakukan dengan penuh adat istiadat diraja. Ternyata adat istiadat ini mencerminkan suatu kehalusan tamadun Melayu sesuai dengan sifatnya sebagai ketua negeri sebuah kerajaan yang berdaulat.

D) Bidang Kuasa Sultan yang memerintah:

Misa Melayu mempunyai catatan yang begitu jelas dalam hal ini. Sebagai ketua negeri Baginda mempunyai kuasa mutlak untuk memerintahkan apa sahaja yang difikirkannya perlu. Tentulah Sultan yang baik akan meninggalkan pentadbiran yang disanjong dan begitulah sebaliknya. Dalam hal ini pengarang *Misa Melayu* ternyata membuat pilihan tentang Sultan-sultan yang dianggapnya telah mentadbir dengan cemerlang iaitu Sultan Muzafar Shah dan Sultan Iskandar Zulkarnain/ Shah. Dalam kecemerlangan kedua-dua Sultan itu ternyata beberapa perkara telah direkodkan sebagai bukti bahawa Sultan-sultan Melayu mempunyai bidang kuasa yang tidak terbatas keatas negeri dan rakyatnya. Hal ini termasuklah kuasa esekutif, legaslatif dan kehakiman dalam semua hal kehidupan rakyat dan hal ehwal negerinya. Ini termasuklah :

- 1) Melantik Raja Muda sebagai orang nombor dua dalam pentadbiran negeri.
- 2) Melantik para pembesar bergelar (4,8,16 dan 32).
- 3) Memerintahkan pembesar dan rakyat mempertahankan negeri melalui peperangan menentang musuh termasuk pemberontakan tempatan.
- 4) Memerintahkan pembesar dan rakyat membina istana, dan membina ibu negeri ditempat-tempat yang berbeza mengikut kehendaknya.
- 5) Memegang kuasa ekonomi Perak iaitu perdagangan bijih timah dengan Holand/Belanda serta penjualan gajah dengan Siam, India dan tempat-tempat lain.
- 6) Mengadakan hubungan luar dengan kuasa barat dan kerajaan-kerajaan Melayu di sekitarnya.

- 7) Menjadi penggerak budaya dan adat istiadat negeri terutama adat istiadat serta upacara-upacara istana dan rakyat seperti adat melenggang perut, menyambut kelahiran putera raja, pesta menangkap ikan diperairan Perak dan sebagainya.
- 8) Memegang kuasa sebagai pelindung agama Islam bukan sahaja amalannya pada setiap hari yang menjadi ikutan pembesar dan rakyat tetapi juga menjaga peradaban Islam itu sendiri seperti membina masjid di setiap ibu negeri yang ditubuhkan.

E) Konsep Daulat:

Daulat adalah satu konsep pentadbiran yang hanya digunakan kepada Sultan atau Raja yang memerintah. Hal ini melambangkan satu kuasa dan aura pemerintahan yang berteraskan penghormatan dan kesetiaan yang tidak boleh dipersoalkan oleh sesiapa pun. Segala arahan, perintah serta kehendaknya mestilah dipatuhi dan dituruti. Sultan atau raja yang memerintah dilihat juga sebagai agung dan mempunyai sifat-sifat mistik; kalau tidak diikut perintahnya seseorang itu akan ditimpa mala petaka atau ditimpa daulat.

Untuk mendapatkan kedudukan kedaulatan ini Sultan atau Raja-raja mempunyai pelbagai perkara yang sangat istimewa dan terasing daripada rakyat. Antaranya:

- A) **Sultan atau Raja dalam kepercayaan Hindu dianggap sebagai jelmaan tuhan** dan kerap disebut sebagai Dewa. Oleh itu Raja disembah dengan pelbagai cara oleh masyarakat awal.
- B) **Kedatangan Islam pula telah memberi konsep baru kepada Raja-raja.** Raja dianggap sebagai kalifah iaitu ketua kepada orang Islam dan menjadi pelaksana dan pelindung kepada ajaran-ajaran Islam dalam pemerintahannya. Gelaran nama Maharaja, Dewata Raja dan sebagainya telah diganti dengan panggilan Sultan, Amir dan Raja serta lain-lain gelaran yang sesuai dengan ajaran Islam. Dalam *Misa Melayu* gelaran-gelaran Sultan yang memerintah ternyata dilengkapkan dengan nama-nama dan gelaran yang membawa nama Islam; misalnya Sultan Iskadar Shah bergelar Paduka Seri Sultan Iskandar Dzu'l-Karnain Shah Khalifatu'r-Rahman Johan Berdaulat Dzillu'llahi fi'l-alami.
- C) **Sultan yang memerintah mempunyai adat istiadat yang berbeza dan sangat ekslusif berbanding dengan rakyat.** Selain daripada penuh dengan kemewahan, adat istiadat diraja itu juga dibuat dengan lebih banyak prosedur beradat yang berbeza dengan golongan raja biasa. Misalnya adat perkahwinan diraja yang berlangsung diantara Raja Iskandar dengan Raja Budak Rasui, anakanda Sultan Muzafar Shah, yang telah dicatatkan oleh *Misa Melayu*. Antaranya:

- i) Adat istiadat dan peralatan peminangan dibuat dan disampaikan kepada Orang Kaya Besar sebelum diperkenankan oleh Sultan, yang kemudian menghantar gajah diraja dengan segala peralatan gendang negara serunai nafiri dan payong panji-panji mengiringi tanda emas perminangan diraja dan kumpulan anak-anak raja untuk diarak ke kota dan dibawa masuk ke istana.
- ii) Semasa majlis bersubang untuk Raja Iskandar sekali lagi seluruh anak-anak raja, pembesar dan rakyat berkumpul di Berahan Indera, tempat bersemayam Sultan Mudzafar Shah. Pembesar-pembesar daripada seluruh negeri dan sungai telah membawa persembahan makanan dan permainan untuk memeriahkan majlis tersebut yang dijalankan selama 17 malam berturut-turut sehingga sampai kemalam berinai.
- iii) Upacara berinai dijalankan selama 2 malam. Selepas itu Raja Iskandar (Raja Muda) telah diarak diatas gajah diraja tujuh kali keliling kota dengan diiringi oleh ` alat pawainya dan payong keemasan dan tunggul panji-panji dan alam bernaga seperti adat anak-anak raja berkerajaanlah adatnya.¹¹

D) Bahasa Diraja:

Perkataan-perkataan tertentu diperuntukkan bagi Raja atau Sultan serta kerabatnya dan sangat berbeza daripada rakyat jelata. Misalnya:

- i) sakit disebut sebagai gering,
- ii) makan disebut sebagai santap,
- iii) tidur disebut sebagai beradu,
- iv) meninggal dunia disebut sebagai mangkat,
- v) tinggal disesuatu tempat disebut bersemayam dan sebagainya.

E) Mengangkat sembah kepada Sultan dilengkapkan dengan perkataan 'Daulat Tuanku'; ini bermakna rakyat memberi pengiktirafan yang tinggi kepada Sultan yang memerintah. Seperti yang disimpulkan oleh syair Misa Melayu ini:


`Baginda Sultan yang terala,
Daulatnya terang amat ternyata...
Tuanku Sultan duli Mahkota,
Daulatnya lempah keatas tahta...
Baginda Sultan zaman sekarang,
Daulatnya bukan sebarang-barang
Makin bertambah cahayanya terang.¹²

Ternyata konsep Daulat yang dipadankan dengan kedudukan Sultan adalah satu konsep yang memberi keistimewaan dan penghormatan yang amat tinggi sehingga Raja atau Sultan mempunyai satu kelainan daripada sebarang individu lain dalam masyarakat itu. Taraf itu hanya boleh dicapai dengan cara keturunan dan penerimaan rakyat yang mengangkat sembah kepadanya.

Dengan keterangan dan petikan berdasarkan *Misa Melayu*, bolehlah dikatakan ia merupakan satu teks yang secara mendalam menceritakan dan menghuraikan tentang kekuasaan dan kuasa Raja Melayu Perak yang memerintah sebuah negeri Melayu sebelum kedatangan mana-mana kuasa asing. Ternyata Sultan yang memerintah mempunyai bidang kuasa yang luas meliputi segala aspek Kehidupan rakyat jelata dan seluruh pelusuk negeri. Bermula dengan perlantikan pembesar-pembesar istana yang merupakan pusat pentadbiran dan kekuasaannya, Sultan yang memerintah juga berhak melantik pembesar jajahan dan ketua-ketua masyarakat sehingga kepada kapitan setiap pedagang yang berdagang dinegerinya. Hubungan perniagaan dan politik dengan pihak luar juga berada dalam kuasanya. Peperangan dan persahabatan juga berada dalam keputusannya. Semua kuasanya ini ditegakkan keatas kedaulatan yang diasaskan daripada kesetiaan rakyat dan para pembesar yang tidak berbelah bagi kepada baginda. Ia juga satu perwarisan yang telah dibudayakan dalam masyarakat Melayu yang telah diamalkan sejak zaman berzaman. Bidang kuasa dan kedaulatan institusi raja seperti di Perak ini adalah sebuah tamadun yang telah mengakar umbi dalam masyarakat Melayu sehingga ia menjadi ikutan dan warisan Raja-raja Melayu Perak sehingga kini.

11. Raja Chulan, *Misa Melayu*, Pustaka Antara, hlm.43.

12. Raja Chulan, *Misa Melayu*, Pustaka Antara, hlm.181,185,186.

Bidang kuasa Ekonomi Raja:

13

Bidang ekonomi juga merupakan bidang penguasaan Sultan Perak. Melombong bijih timah merupakan pekerjaan orang Melayu Perak yang telah dilakukan sebelum kedatangan orang asing kesana. Lembah Sungai Perak yang kaya dengan hasil bijih itu, telah menyebabkan orang Melayu membina petempatan dilembah Sungai Perak dan anak-anak sungainya. Peta diatas menunjukkan hal yang sangat ketara itu. Hal ini menunjukkan pekerjaan mendulang bijih timah adalah pekerjaan tradisional orang Melayu Perak disamping pertanian.

13. M.A. Fawzi Basri, 1986 : *Cempaka Sari Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, Yayasan Perak, hlm. 55

Pada masa pemerintahan Sultan Muzafar Shah III, saudagar Belanda yang bernama Ary Verbrugge, seorang Komisaris Belanda telah datang mengadap Sultan Muzafar Shah di Berahman Indera untuk meminta kebenaran membina sebuah gudang berkota di tepi Sungai Perak. Beliau juga bermohon untuk membuat perjanjian supaya semua bijih timah di Perak itu dijual kepada Kompeni Belanda sahaja. Harga penjualan itu ditetapkan dan pihak Belanda boleh memeriksa setiap kapal yang lalu dikawasannya. Permintaan itu telah dipersetujui oleh Sultan dan sebuah surat perjanjian ditandatangani pada 25 Jun 1747.

Belanda kemudian memindahkan semua operasinya dari Pulau Pangkor ke Tanjung Putus apabila kota itu siap dibina. Kota Belanda disitu ditinggalkan kerana penjimatan operasi dan ketenteraan. Sebuah gudang yang berkota telah didirikan di Pengkalan Halban Tanjung Putus, di muara Sg. Perak (kira-kira lima-enam batu kehilir Teluk Anson (Teluk Intan sekarang). Harga timah yang dibeli daripada orang Melayu ialah sebahara (375 pound) 30 rial (ringgit) dan tiap-tiap sebahara timah cukainya 2 rial dibayar kepada Sultan Perak. Orang Perak tidak dibenarkan membawa keluar timah kecuali menjualnya dengan orang Belanda digudangnya di Tanjung Putus.¹⁴ Dengan itu pihak Sultan dapat menentukan ekonomi negeri Perak berkembang dan mendapat pendapatan daripada perniagaan bijih tersebut dengan Belanda.

Kekuasaan dan kuasa Sultan atau pemerintah kerajaan Melayu itu telah menjadi bukan sahaja asas urus tadbir dan pemerintahan kerajaan tetapi ia juga telah bertindak sebagai satu katalis kepada sebuah tamadun yang secara tegas telah membentuk satu identiti budaya politik yang mampu yang membezakan ia dengan tamadun lain. Hal ini diterima dan dihormati oleh bangsa luar yang berdagang dan berhubungan politik dengannya. Holand, China, India dan lain-lain pedagang di Kepulauan Melayu menerima dengan jelas. Mereka mengikut perundangan dan peraturan kerajaan Melayu Perak itu. Misalnya pihak Holand telah membedil perahu Shahbandar kerana tidak mahu singgah dikapalnya; Dato' Menteri dan Laksamana telah dititahkan Sultan untuk tidak menjual timah kepada Belanda; pihak Belanda terpaksa memohon maaf kepada Sultan kerana tindakannya itu; maka baharulah Sultan setuju menjual timah kepada Holand (orang putih) di kuala Sungai Bidor. Malah Sultan kemudian ke Kota Lumut berserta dengan pembesar dan hulubalangnya untuk menunjuk kekuatannya kepada orang Holand.¹⁵

14. Buyung Adil, 1981. *Sejarah Perak*, DBP, hlm.29.15. Raja Chulan, *Misa Melayu*, Pustaka Antara, hlm.112,113.

Kesimpulan:

Dengan segala penerangan diatas ternyata tradisi kuasa dan kekuasaan Melayu terletak dengan jelas dalam tangan Sultan yang memerintah. Baginda adalah kemuncak kuasa dan tempat kuasa itu mengalir, mempengaruhi dan menentukan kehidupan negeri dan rakyat dibawah pentadbirannya. Penerimaan rakyat melalui konsep daulat menjadi pengikat kepada sebuah sistem pentadbiran tradisional yang kuat sehingga ia boleh diterima oleh orang luar yang menghormati dan menerima sebagai tamadun kerajaan dan rakyat Melayu Perak. Agama Islam yang menjadi tonggak keimanan dan kehidupan kerajaan dan orang Melayu Perak juga jelas tercermin dicatatkan oleh ***Misa Melayu***. Kekuatan warisan dan tamadun bangsa yang direkodkan dan ditinggalkan sebagai warisan tamadun bangsa, kerajaan dan Kesultanan Negeri Perak ini, patut menjadi identiti dan dipertahankan oleh generasi hari ini, yang merupakan pewarisnya yang sah.

Rujukan:

- Raja Chulan ibni Raja Hamid, 1991. ***Misa Melayu***, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara.
Buyung Adil. ***Sejarah Perak***, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
M.A. Fawzi Basri, 1986 : ***Cempaka Sari Sejarah Kesultanan Negeri Perak***, Yayasan Perak.

Biodata Personal



NAMA

PROF. DATIN PADUKA DATUK DR. HJH. RAMLAH BINTI ADAM

JAWATAN TERKINI

PENGARAH, PUSAT KAJIAN INSTITUSI RAJA MALAYSIA, UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

TELEFON

04-9798408 (DIRECT LINE) 04-9798406 (ADMIN) & 019-2220595 (HANDPHONE)

EMAIL

ramlahadam@unimap.edu.my

KELULUSAN

IJAZAH KEDOKTORAN (PH.D.)-UNIVERSITI MALAYA, 1988

KEPAKARAN

SEJARAH